

07 OCT 1998

Mahathir-Krisis

M'SIA ANTARA YANG PERTAMA PULIH DARIPADA KRISIS EKONOMI

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin bahawa Malaysia akan menjadi antara negara yang mula-mula, jika tidak yang pertama, pulih daripada krisis ekonomi sekarang.

"Kita harus rasa yakin tentang keupayaan kita untuk menangani keadaan ini kerana asas-asas kita masih kukuh," katanya dalam satu dialog terbuka pada Kongres Kebangsaan Mengenai Pemulihan Ekonomi: Hala Ke Hadapan, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau menghadapi kerumitan untuk menjelaskan kepada orang lain (orang asing) bahawa negara ini sedang menghadapi kemelesetan. Mereka tidak percaya kerana mereka lihat kegiatan masih berjalan di negara ini.

Katanya tidak banyak negara yang boleh melaksanakan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Malaysia, disebabkan oleh pinjaman luar negara mereka.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa Malaysia meminjam dari dalam negara, dan oleh kerana ia merupakan sebuah negara kecil, semuanya mudah dikendalikan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata tidak ramai yang faham langkah-langkah kawalan pertukaran matawang yang bertujuan melindungi ringgit daripada kegiatan spekulator.

Menurut beliau tindakan yang diambil (kawalan matawang) amat terhad dan ia telah mewujudkan rasa stabil dan keupayaan untuk meramalkan masa depan dengan menghapuskan ketidak pastian berhubung tukaran matawang asing.

Ringgit ditetapkan pada RM3.8 bagi setiap dolar A.S. tetapi, menurut Dr Mahathir, dari semasa ke semasa kerajaan mengawasi perubahan-perubahan matawang di negara-negara jiran.

"Kita tidak bercadang untuk mengubah tahap ditetapkan sekarang tetapi jika terdapat perubahan (penurunan nilai atau penilaian semula) di negara-negara jiran, kita akan buat pengubahsuaian. Tetapi saya boleh jamin tiada apa yang akan berlaku dalam tempoh yang panjang," tambah beliau.

Terdahulu, Perdana Menteri, yang juga Menteri Kewangan Pertama, berkata cara menyelesaikan masalah sekarang ialah menguasai semula ekonomi negara dan melaksanakan langkah-langkah dengan segera, bagi mengelakkan risiko menghadapi tekanan yang semakin meningkat dari luar.

Dalam merancang langkah-langkah kawalan, kerajaan telah mengkaji setiap aspek dan sebulan selepas langkah-langkah ini dilaksanakan, ekonomi memberi respon kepadanya, tegas beliau.

"Kita akan meneliti cadangan-cadangan yang dibuat dalam Kongres ini dan cuba melaksanakannya," tambah beliau.

Dr Mahathir juga berkata dalam usaha untuk menyelesaikan masalah ekonomi, kerajaan tidak boleh bersetuju dengan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF).

Satu daripada saranan IMF ialah menutup syarikat-syarikat lemah. Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata tindakan sedemikian boleh menjadikan kerajaan muflis kerana syarikat-syarikat menyumbang 38 peratus keuntungan mereka kepada kerajaan.

"Jadi, kita mengambil keputusan untuk mengikut arah lain. Tetapi saya sedar mereka akan cuba merosakkan usaha yang telah kita jalankan untuk memulihkan ekonomi," kata beliau.

Beliau menegaskan ini begitu nyata kerana ketika kerajaan cuba mengumpul dana untuk mengatasi masalah pinjaman tidak berbayar (NPL), agensi-agensi penarafan mula menurunkan penarafan mereka bagi bon-bon

tersebut sehingga kerajaan tidak boleh meminjam lagi.

"Kata mereka, tidak berlaku konspirasi di sini. Cuma mereka merasa bertanggungjawab terhadap pemiutang, jadi mereka menurunkan penarafan kita. Saya pasti mereka sibuk memikirkan bagaimana mereka boleh merosakkan kita tetapi setakat ini mereka tidak berjaya berbuat begitu," tambahnya.

"Jika mereka berbuat sesuatu kepada kita, kita akan memikirkan cara yang radikal untuk melawan mereka," katanya.

Menjawab satu soalan tentang perlunya mempermodalkan semula syarikat broker saham, beliau berkata kerajaan akan mengkaji saranan tersebut tetapi menambah bahawa mengumpul dana tidak lagi mudah disebabkan oleh imej buruk yang digambarkan tentang Malaysia di luar negara.

-- BERNAMA

SHO KY MA